

# Hari Kesihatan Penduduk Batu Anam, Segamat

Hari Kesihatan Penduduk Batu Anam, Segamat telah diadakan pada 23 Julai 2017 (Ahad) bertempat di Dewan Orang Ramai Batu Anam sempena Projek Enhance Primary Healthcare (EnPHC) KKM. Turut serta dalam program ini adalah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), The Breast Cancer Support Society Segamat - BCSS, PKD Segamat dan sebagainya. Projek yang dinamakan Hari Kesihatan Penduduk Batu Anam sempena EnPHC bertujuan untuk mendaftarkan semua penduduk Batu Anam yang berada dalam kawasan Klinik Batu Anam untuk didaftarkan dalam sistem MoVES Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran ini amat penting kepada kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

**HARI KESIHATAN  
PENDUDUK BATU ANAM, SEGAMAT**

**'Ke Arah Penjagaan Kesihatan Rakyat Malaysia  
Yang Lebih Sempurna'**

**Tarikh : 23 Julai 2017 (Ahad)**  
**Tempat : Dewan Batu Anam**  
**Masa : 8.30 Pagi - 4.00 Petang**

**Orang Ramai  
Dijemput Hadir**

**Aktiviti Menarik**

- Pendaftaran Kemasukan Data Kesihatan Penduduk
- Forum Kesihatan Santai (10.00 pg - 11.00 pg) dan (3.00 ptg - 4.00 ptg)
- Pameran Kesihatan
- Saringan Kesihatan Percuma

**PENTING!**

Dengan Kerjasama:  
❖ Panel Penasihat  
❖ KK Batu Anam  
❖ Ketua Kampung









